

**TEKS UCAPAN**  
**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI**  
**TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN**  
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**  
**27 MEI 2024 (SELASA)**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

**SALUTASI**

**YBHG. DATUK HJ. RUJI BIN HJ. UBI**

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

**YBRS. TUAN MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD**

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

**YBHG. DATUK KAMARUL BAHRIN BIN A. KASIM**

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

**YBHG. DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**

Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

**YBHG. DATO' JAAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

**YBRS. TUAN EDY IRWAN BIN ZULKAFLI**

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

**YBRS. PUAN NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM**

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Perpaduan Negara

**YBRS. ENCIK WONG KIN LUN**

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sukarelawan Siswa

**YBRS. PUAN IDA THIEN**

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Tunku Abdul Rahman

**YBRS. TENGKU HARITH AZIZ**

Setiausaha Lembaga Yayasan Tun Razak

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DAN JABATAN**

**HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana kita diberikan peluang untuk bersua sekali lagi bersempena **Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Perpaduan Negara** yang pertama bagi Tahun 2025.
2. Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, KPN dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis perhimpunan pada pagi ini.
3. Majlis seumpama ini adalah satu wadah untuk pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian bersama-sama warga kerja Jabatan/Bahagian/Agensi menggembung aspirasi dan ekspektasi dalam menetapkan hala tuju Kementerian untuk menjayakan setiap program dan inisiatif perpaduan negara.

## **PENGLIBATAN KEMENTERIAN DALAM KEPENGERUSIAN ASEAN 2025**

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Tahun 2025 adalah tahun Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi ASEAN daripada Laos sebelum ini.
5. Sebagai satu daripada pengasas perkumpulan serantau ini pada 1967 bersama-sama Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand, intipati dan semangat ASEAN tentunya sudah sebatik dengan Malaysia.

6. Kementerian Perpaduan Negara menyambut baik dan menyokong penuh tema ASEAN 2025 pada kali ini iaitu “Keterangkuman & Kemampanan” (*Inclusivity & Sustainability*), dua nilai utama berteraskan nilai MADANI Malaysia.
7. Malaysia ditetapkan untuk menjadi tuan rumah kepada lebih 300 mesyuarat, program dan sidang kemuncak berkaitan ASEAN sepanjang tahun ini.
8. Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan terlibat secara rasmi dalam acara ASEAN 2025 dengan menganjurkan **19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX)** dengan tema ***Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All.*** Program ini akan diadakan pada **16 hingga 19 Jun 2025** bertempat di World Trade Center (WTC), Kuala Lumpur.
9. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia menganjurkan beberapa program khas untuk ASEAN, iaitu:
  - i. Pameran Semangat ASEAN: Keterangkuman dan Kemampanan yang sedang berlangsung dari 21 April – 21 September 2025; dan
  - ii. ASEAN Fabrics Symposium pada 9 Julai 2025.
10. Justeru, saya mengharapkan komitmen dan kerjasama semua warga Kementerian dalam menjayakan program-program ini sebagai tanda sokongan di sepanjang kepengerusian ASEAN untuk

menyerlahkan kebolehan Malaysia memimpin rantau ini bagi merealisasikan potensi ASEAN sepenuhnya.

## **KERJA DENGAN TAHAP PROFESIONALISME DAN INTEGRITI YANG TINGGI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Saya juga ingin berpesan supaya semua warga Kementerian sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh semangat, di samping berpegang kepada tahap profesionalisme dan integriti yang tinggi.
  
12. Usaha berterusan juga perlu digerakkan secara konsisten untuk memaju dan membangunkan negara dengan berpegang teguh kepada ikrar profesionalisme perkhidmatan awam demi menjamin penyampaian perkhidmatan yang terbaik, khususnya dalam pelaksanaan inisiatif dan agenda perpaduan. Penambahbaikan dan reformasi perlu sentiasa diberi tumpuan dari segi sistem, peraturan, proses kerja serta penghasilannya supaya ia benar-benar memberi manfaat Masyarakat di peringkat akar umbi.

**PENUBUHAN JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN ISU PERPADUAN (JKPIP) DI BAWAH MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Isu Perpaduan (JKPIP) di bawah MPPN melalui pelantikan Pengerusi dan Ahli oleh YB Menteri Perpaduan Negara pada 27 November 2024.
14. Jawatankuasa Kerja ini bertanggungjawab menilai dan meneliti isu-isu sensitif serta kontroversi yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat. Selain itu, jawatankuasa juga akan membuat kenyataan media mewakili MPPN bagi menjernihkan isu berbangkit dan mententeramkan keadaan semasa.
15. Mesyuarat JKPIP Bilangan 1 Tahun 2025 telah diadakan pada 25 Mac 2025 untuk membincangkan perkara-perkara seperti berikut:
  - i. Statistik Analisis Isu Perpaduan Tahun 2024;
  - ii. Statistik Analisis Isu Perpaduan Tahun 2025 (Suku Pertama); dan
  - iii. Isu-isu Semasa Perpaduan (Januari-Mac 2025) berserta tindakan dan intervensi sosial yang telah dilaksanakan.

16. Sejak penubuhannya JKPIP telah membuat sebanyak lima (5) kenyataan media menjelaskan isu-isu perpaduan yang sensitif dan kontroversi sebagai tanda sokongan kepada kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh YB Menteri Perpaduan Negara bagi menjernihkan isu berbangkit dan mententeramkan keadaan semasa.
17. Saya menaruh sepenuh kepercayaan bahawa Jawatankuasa Kerja ini akan menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan penuh wibawa dalam usaha merungkai isu-isu dan konflik yang berpotensi mengancam perpaduan dan kesejahteraan masyarakat di Malaysia.

**PEKELILING PEMBUDAYAAN AMALAN PATRIOTISME DAN TAAT SETIA PENJAWAT AWAM**

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Kementerian telah mengambil inisiatif merangka Pekeliling Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia Penjawat Awam yang bertujuan untuk membentuk penjawat awam yang berjiwa patriotik, setia kepada negara dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui pembudayaan amalan patriotisme dan taat setia penjawat awam.
19. Pekeliling yang berkuat kuasa mulai 17 Mac 2025 telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar pada 21 Mac 2025 sempena Program Jelajah Taat Setia MADANI di Negeri Sembilan.

20. Warga Kementerian selaku penjawat awam perlu memainkan peranan penting dalam membudayakan amalan patriotisme dan taat setia yang bukan sahaja penting untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan tetapi juga untuk memperkuuh perpaduan nasional, kestabilan negara dan integriti perkhidmatan awam selaras dengan frasa "Berkhidmat Untuk Negara".
21. Warga Kementerian juga berperanan dalam melaksana dasar-dasar kerajaan dengan penuh tanggungjawab dan profesionalisme termasuk membantu dalam program pembangunan negara, menyokong kestabilan ekonomi, sosial, dan politik serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

### **GARIS PANDUAN AM PELANTIKAN DUTA/IKON PERPADUAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Kementerian juga telah menghasilkan Garis Panduan Am Pelantikan Duta/Ikon Perpaduan sebagai rujukan pelaksanaan di peringkat nasional. Empat (4) kategori anugerah telah ditetapkan di peringkat Kementerian iaitu Tokoh Perpaduan; Ikon Perpaduan; Duta Perpaduan; dan Ejen Perpaduan.
23. Pemilihan Tokoh, Ikon dan Duta Perpaduan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilihan Duta Perpaduan di peringkat Kementerian. Manakala negeri boleh melaksanakan pelantikan Duta Perpaduan di peringkat masing-masing dan digalakkan merujuk kepada Garis Panduan Am tersebut.

24. Melalui pelantikan Tokoh Perpaduan; Ikon Perpaduan; Duta Perpaduan dan Ejen Perpaduan, Kementerian berharap individu terpilih ini akan menjadi contoh teladan dalam mempamerkan sikap adil, inklusif dan memahami pelbagai kaum dan budaya serta kekal komited dalam usaha untuk mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia di peringkat akar umbi.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

25. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada seluruh warga KPN agar terus memberikan komitmen dan perkhidmatan terbaik dalam usaha kita untuk memupuk dan terus memelihara perpaduan nasional. Kejayaan kita bukan hanya diukur melalui kejayaan program dan inisiatif semata-mata, tetapi juga dari aspek peningkatan interaksi sosial ke arah memperkuuh pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu, progresif dan berteraskan nilai-nilai MADANI.
26. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Pesta Kaamatan dan Selamat Hari Gawai.

Sekian, terima kasih.